



**SURAT PEMBERITAHUAN
PEJABAT SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

**PENGIKLANAN JAWATAN KOSONG PERATURAN 38(a)
DALAM PERKHIDMATAN AWAM**

Hanya dibukakan bagi pemohon daripada kalangan pegawai dan kakitangan yang sedang berkhidmat di Perkhidmatan Awam Negara Brunei Darussalam sahaja.

**PEGAWAI TUGAS-TUGAS KHAS TINGKAT I (B.3)
AUTORITI KAWALAN BANGUNAN DAN INDUSTRI PEMBINAAN (ABCi)
KEMENTERIAN PEMBANGUNAN
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

Surat Pemberitahuan ini hendaklah dibawa kepada pengetahuan serta perhatian semua Pegawai-Pegawai yang layak untuk memohon

Syarat-Syarat Am:

- (A) PEMOHON terdiri daripada Rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.
- (B) Pemohon adalah dipelawa daripada Pegawai dan Kakitangan yang sedang berkhidmat di Kementerian atau Jabatan-Jabatan Kerajaan sahaja.
- (C) Pemohon mempunyai pengetahuan kerasmian agama Islam, adat istiadat, kebudayaan, perkembangan sosial, ekonomi dan politik Negara Brunei Darussalam.
- (D) Bersedia untuk bertugas bila-bila masa di luar waktu bekerja biasa atau bekerja secara bergilir-gilir (shift) atau semasa cuti awam dan juga hendaklah bersedia untuk bertugas di mana-mana sahaja di Negara Brunei Darussalam.



**1. PEGAWAI TUGAS-TUGAS KHAS TINGKAT I
AUTORITI KAWALAN BANGUNAN DAN INDUSTRI PEMBINAAN (ABCi)
KEMENTERIAN PEMBANGUNAN
B.3 (\$3,880 - \$4,240 SEBULAN)
KEKOSONGAN = SATU (01)**

KELAYAKAN MINIMUM:

1. i) Ijazah Sarjana Muda dalam bidang Kejuruteraan / Pengurusan / Pentadbiran Awam / Senibina / Ukur Bahan atau bidang berkaitan.

Mempunyai kelulusan yang lebih tinggi adalah kelebihan.
- ii) Telah berkhidmat dalam perkhidmatan Kerajaan sebagai Pegawai Tugas-Tugas Khas Tingkat II atau jawatan yang bersesuaian dalam tangga gaji B.2 EB.3 atau sebanding selama tidak kurang dari 5 tahun dan telah ditetapkan dalam jawatan.

ATAU

2. Bagi yang tidak mempunyai Ijazah, hendaklah telah berkhidmat dalam perkhidmatan Kerajaan dalam jawatan yang bersesuaian dalam tangga gaji B.2 atau sebanding selama tidak kurang dari 8 tahun dan telah ditetapkan dalam jawatan.
3. Lulus Peperiksaan Perkhidmatan Awam:
 - i. Peperiksaan Jabatan (jika ada);
 - ii. Peraturan Am 1961 dan Peraturan-Peraturan Perkhidmatan; dan
 - iii. Peraturan-Peraturan Kewangan.
4. Berkemahiran dalam bidang Teknologi Maklumat (*IT*) serta menggunakan komputer dengan baik adalah kelebihan.
5. Berkebolehan dalam menghadapi orang ramai.
6. Mempunyai Laporan Penilaian Prestasi di tahap sekurang-kurangnya **SANGAT BAIK** bagi tempoh 3 tahun kebelakangan.



TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB:

1. Mengetuai Bahagian Perlesenan, Sektor Industri Pembinaan, Autoriti Kawalan Bangunan dan Industri Pembinaan;
2. Mengetuai Urusetia kepada Jawatankuasa Pendaftaran Kontraktor dan Pembekal, Kementerian Pembangunan;
3. Menyemak penilaian dan mengesahkan sokongan permohonan pendaftaran lesen pembina, kontraktor dan pembekal;
4. Menyemak penilaian dan mengesahkan sokongan permohonan iklan, papan iklan dan papan tanda;
5. Meneliti dan menyediakan sokongan bagi permohonan *Entry Travel Pass (ETP)*, *Foreign Workers Recruitment Process (FWRP)* dan Surat Sokongan pengesahan syarikat bagi permohonan menyambung Lesen Pekerja Asing (LPA);
6. Menyediakan laporan kemajuan Bahagian;
7. Menyediakan perancangan pembaikan Bahagian termasuk proses kerja, prosedur, maklumat dan seterusnya memantau dan menyediakan laporan mengenainya;
8. Menyediakan kertas kerja yang berkaitan;
9. Menghadiri mesyuarat-mesyuarat yang berkaitan;
10. Dilantik selaku pegawai fokal *Key Performance Indicator* bagi Autoriti Kawalan Bangunan dan Industri Pembinaan; dan
11. Tugas-tugas lain yang diarahkan oleh pegawai atasan.